

# 61 pelajar TVET sertai karnival pertandingan Kemahiran 30 Tahun KEDA

KOSMO M/s 37 27/9/19



SEBAHAGIAN pemenang bergambar selepas Karnival Pertandingan Kemahiran 30 Tahun KEDA di Kolej KEDA, Rumba Taqwa, Perangin, Sik, Kedah baru-baru ini.

**PERTANDINGAN.** Sebanyak 15 Institusi Kemahiran Pendidikan Teknikal dan Latihan Vokasional (TVET) Wilayah Utara menyertai Karnival Pertandingan Kemahiran 30 Tahun KEDA di Kolej KEDA, Rumba Taqwa, Perangin, Sik, Kedah baru-baru ini.

Urusetia karnival itu, Mohd. Noor Farzli Adenan berkata, seramai 61 peserta mengambil bahagian dalam pertandingan tersebut mengikut kategori seperti Teknologi Kimpalan, Elektrik, Fabrik Wanita, Penyediaan Makanan dan Penyejuk Beku serta Penyaman Udara.

"Orang ramai yang hadir ke karnival ini turut berpeluang menjalani pemeriksaan kesihatan dan servis motosikal secara percuma," katanya.

Karnival anjuran Kolej KEDA dengan kerjasama Jabatan Pembangunan Kemahiran, Skills Malaysia dan eSports Malaysia Kedah itu turut dihadiri Timbalan Pengurus Besar Pengurusan KEDA, Ahmad Sukri Jusoh.